

**Belanjawan Sabah 2012 Ikut Langkah Belanjawan Negara  
Bernama  
14 November , 2011**

KOTA KINABALU, 14 Nov (Bernama) -- Belanjawan Negeri Sabah 2012 akan mengikut langkah Belanjawan Negara yang tertumpu kepada kesejahteraan rakyat, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

"Yang penting kita meringankan beban rakyat dan membantu bagaimana membangunkan Sabah secara keseluruhan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Revolusi Kecemerlangan Akademik Negeri Sabah 2011 di sini Isnin.

Musa, yang juga Menteri Kewangan Negeri akan membentangkan belanjawan itu Jumaat ini pada 3 petang pada Persidangan Dewan Undangan Negeri.

Mengenai konvensyen itu, Musa berkata ia boleh digunakan dengan sebaiknya untuk menyumbangkan idea dan mencari kaedah bagi meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar.

"Dalam konteks Sabah, kita perlu memiliki modal insan yang berilmu, berkemahiran dan berinovatif bagi memacu kemajuan negeri ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626656>